

12/11/2001

Malaysia terus amal dasar ekonomi liberal

Wan Hazmir Bakar

GENTING HIGHLANDS, Ahad - Malaysia akan terus mengamalkan dasar ekonomi liberal dan berasaskan pasaran bagi merangsang perdagangan dunia, sekali gus menangani kelembapan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, Perdana Menteri berkata peniaga asing wajar memanfaatkan kelebihan Malaysia dalam perdagangan dua hala, pelaburan dan jaringan perniagaan bagi menggalakkan eksport, import, pengaliran pelaburan dan urusan perniagaan.

Beliau berkata, peluang perniagaan di Malaysia amat banyak, terutama dalam sektor berasaskan sumber, perindustrian, pertanian, makanan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta francais.

Katanya, pelbagai pakej insentif disediakan bagi mempercepatkan pelaksanaan peluang pelaburan kepada perniagaan sebenar serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

"Insentif pelaburan ini, termasuk garis panduan ekuiti yang membenarkan pegangan asing sehingga 100 peratus tanpa syarat eksport atau keadaan ekuiti dikenakan.

"Semua permohonan baru dan tambahan serta mempelbagaikan pelaburan yang diterima sebelum 31 Disember 2003 akan dikecualikan daripada syarat ekuiti dan eksport," katanya berucap merasmikan konvensyen Masyarakat Fui Chiu Sedunia Keempat, di sini hari ini.

Konvensyen tiga hari yang bermula semalam itu dihadiri lebih 1,200 peserta dari Singapura, Taiwan, Hong Kong, China, England, Thailand, Australia, Brunei, Indonesia, Trinidad dan Malaysia.

Dr Mahathir berkata, penerusan dasar liberal ini juga memerlukan semua pihak termasuk peniaga, pekerja dan kerajaan bekerjasama bagi mengekalkan iklim perniagaan dan memperkembangkan perdagangan dunia bagi mengatasi kelembapan ekonomi sejagat.

Katanya, masyarakat perniagaan khususnya perlu menjalinkan kerjasama dengan kerajaan bagi merangsang perniagaan dan mengukuhkan kepercayaan pengguna serta menangkis sentimen negatif kelembapan ekonomi.

"Perlu ada usaha bersepadu bagi memantapkan lagi dialog di antara kerajaan dan masyarakat perniagaan dan usaha meneruskan pendekatan pragmatik bagi memastikan iklim perniagaan yang baik," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagi mengatasi kesan kelembapan itu Malaysia sudah melaksanakan beberapa pakej rangsangan bertujuan menggalakkan permintaan domestik dan menyekat ekonomi daripada terus merosot.

Perdana Menteri berkata, antaranya ialah suntikan sebanyak AS\$1.13 bilion (RM4.294 bilion) bulan lalu sebagai tambahan kepada AS\$800 juta (RM3.04 bilion) Mac lalu selain beberapa insentif baru yang diumumkan dalam Belanjawan 2002.

"Pakej rangsangan itu diperkenal bagi menjana ekonomi dan memastikan pengalihan manfaat secara adil dan meluas kepada rakyat," katanya.

Malaysia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 8.5 peratus tahun lalu berbanding 5.8 peratus pada 1999. Pertumbuhan ekonomi negara tahun ini diunjurkan antara satu dan dua peratus akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang diburukkan lagi serangan 11 September lalu.

Dr Mahathir juga menggesa masyarakat Fui Chiu menggunakan kelebihan jaringan perniagaan antarabangsanya serta jalinan perniagaan dan budaya dengan China untuk menyelaraskan capaian kepada pasaran negara itu.

Perdana Menteri berkata, mereka patut menggunakan kelebihan itu bagi mengukuhkan hubungan ekonomi dan menjalin urusan niaga antara China dan

negara masing-masing.

"Mereka patut mengorak langkah bagi memperkukuhkan serta memperkembangkan hubungan mereka daripada hubungan sesama masyarakat kepada pakatan perniagaan. Ini adalah cabaran masyarakat Fui Chiu untuk membawa kebaikan pasaran China kepada negara masing-masing," katanya sambil menambah Malaysia mengalu-alukan penyertaan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan terus memberi kerjasama bagi menjayakannya.

(END)